



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
ARAS 2-7, BLOK K, PUSAT BANDAR DAMANSARA  
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033  
Fax : 03-2094 0892

Rujukan Kami : KPKT(02) 799/6 Klt.8 ( 11 )

Tarikh : 22 Januari 2009

---

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
**BILANGAN 3 TAHUN 2009**

---

**GARIS PANDUAN PENYIDAIAAN KAIN**  
**DI KEDIAMAN BERBILANG TINGKAT**

## **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pesuruhjaya Bangunan (COB) mengenai pelaksanaan Garis Panduan Penyidaian Kain Di Kediaman Berbilang Tingkat seperti di **Lampiran**.

## **LATAR BELAKANG**

2. Amalan masyarakat di bangunan kediaman berbilang tingkat yang menyidai kain secara tidak teratur di bahagian tingkap, balkoni dan koridor telah mencemarkan pemandangan di kawasan bandar. Ini disebabkan pada masa ini, tiada peraturan khusus yang dikuatkuasakan bagi tujuan membendung amalan tersebut. Sehubungan dengan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan satu kajian bagi mewujudkan satu garis panduan penyidaian kain yang praktikal untuk menangani masalah penyidaian kain di kediaman berbilang tingkat.

3. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan tersebut, antara faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya amalan penyidaian kain yang tidak teratur di kediaman berbilang tingkat adalah seperti berikut:

- (i) ruang penyidaian kain yang tidak mendapat pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi;
- (ii) ruang penyidaian kain sedia ada digunakan untuk tujuan lain seperti stor dan meletak peralatan;
- (iii) tiada *House Rules* dalam pengurusan bangunan atau *House Rules* yang disediakan tidak mempunyai elemen tatacara penyidaian kain;
- (iv) *House Rules* yang disediakan tidak dipatuhi oleh penghuni;
- (v) tiada tindakan penguatkuasaan oleh pihak pengurusan bangunan dan PBT;
- (vi) pelan susun atur bangunan meletakkan ruang penyidaian kain di bahagian belakang bersebelahan dengan ruang dapur dan selalunya menghadap ke jalan raya; dan
- (vii) ruang penyidaian kain yang disediakan terlalu kecil dan sempit.

4. Sehubungan dengan itu, mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-61 (MNKT Ke-61) pada **2 Disember 2008** telah bersetuju dengan pelaksanaan Garis Panduan Penyidaian Kain Di Kediaman Berbilang Tingkat bagi menangani amalan penyidaian kain yang tidak teratur di kediaman berbilang tingkat.

#### **PENGGUNAAN GARIS PANDUAN**

5. Garis Panduan Penyidaian Kain Di Kediaman Berbilang Tingkat yang dilampirkan kepada pekeliling ini menerangkan secara terperinci amalan penyidaian kain yang baik dan paling sesuai digunakan di kediaman berbilang tingkat dan ia merangkumi peranan dan tanggungjawab pihak-pihak terlibat yang terdiri daripada penghuni, pihak pengurusan bangunan dan PBT serta aspek penggunaan peralatan bagi mengatasi masalah penyidaian yang tidak teratur.

## TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

## PERTANYAAN

7. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeling ini boleh dikemukakan kepada:

**Ketua Pengarah  
Jabatan Perumahan Negara  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Aras 6, Blok F (Utara)  
Pusat Bandar Damansara  
50782 Kuala Lumpur  
(u.p.: Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik)  
No. Telefon : 03-20947033 / 20874761  
No. Fax : 03-20936982 / 20930709**

## PENUTUP

8. Pemakaian peruntukan pekeling ini dipanjangkan kepada semua PBN, PBT dan COB .

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' AHMAD BIN HJ. KABIT)**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

22 Januari 2009

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua  
Pihak Berkuasa Tempatan